

## PENGGUNAAN KAD GENG JAWI DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENYAMBUNG HURUF-HURUF JAWI

Oleh

**SHARIFAH NOORHALIZA BINTI WAN MADEHI**

sharifahnoorhaliza@yahoo.com

### ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kesan penggunaan 'Kad Geng Jawi' terhadap penguasaan tiga orang murid tahun 2 dalam mengenal pasti dan menulis huruf-huruf jawi yang boleh dan tidak boleh disambung disamping menambah baik amalan sendiri saya dalam bilik darjah. Kaedah pengumpulan data yang digunakan ialah ujian pra dan pasca, analisis dokumen dan pemerhatian. Data yang dikumpul dianalisis menggunakan kaedah analisis dokumen. Kaedah triangulasi sumber digunakan untuk menyemak data. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan terhadap penguasaan murid dalam mengenal pasti dan menulis huruf jawi yang boleh dan tidak boleh disambung. Cadangan kajian lanjutan yang boleh dijalankan ialah dengan menambah baik kaedah yang sedia ada dengan menggunakan carta penulisan bentuk huruf Jawi.

*Kata Kunci : 'Kad Geng Jawi', mengenal pasti dan menulis, huruf-huruf jawi, ujian pra dan pasca, triangulasi.*

### ABSTRACT

This research was done to ascertain the effects of using the 'Gang Jawi Cards' towards the three of the year two student's performance in identifying and writing Jawi alphabets correctly and also to improve my teaching and learning practice in classroom. Data collecting methods used were pre and post test, document analysis and observation. All the data were analyzed using the document analysis method. Triangulation was used to verify the data. The results showed improvement in student's performance in identifying and writing Jawi alphabets correctly. Future research can be done by improving the existing method using the Jawi alphabetical writing chart.

*Key Words : Gang Jawi Cards, identifying and writing, jawi alphabets, pre and post test, triangulation.*

### PENGENALAN

Pendidikan merupakan salah satu elemen yang berada pada kedudukan paling penting dalam Islam. Menuntut ilmu merupakan satu ibadah yang utama terhadap setiap muslim. Allah S.W.T telah menjelaskan dalam Al-Quran tentang pentingnya pendidikan menerusi ayat pertama yang diturunkan iaitu surah Al-Alaq. Firman Allah:

أَقْرَأْ بِأَسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴿١﴾ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ﴿٢﴾ أَلَمْ نَكُنْ مِنْ عَلَقٍ ﴿٣﴾ أَلَمْ نَكُنْ مِنْ عَلَقٍ ﴿٤﴾ أَلَمْ نَكُنْ مِنْ عَلَقٍ ﴿٥﴾ أَلَمْ نَكُنْ مِنْ عَلَقٍ ﴿٦﴾ أَلَمْ نَكُنْ مِنْ عَلَقٍ ﴿٧﴾ أَلَمْ نَكُنْ مِنْ عَلَقٍ ﴿٨﴾ أَلَمْ نَكُنْ مِنْ عَلَقٍ ﴿٩﴾ أَلَمْ نَكُنْ مِنْ عَلَقٍ ﴿١٠﴾

Maksudnya:

*“Bacalah (Wahai Muhammad) Dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Dia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan.”*

(Surah Al-Alaq, ayat 1 - 4)


Zawawi Hj. Ahmad, 1998 (dalam Ahmad Mohd. Salleh, 2008) menyatakan bahawa dalam ayat ini, Allah memerintahkan Rasulullah supaya mengisytihar dan menyebarkan risalah kepada semua umat manusia. Wahyu yang pertama ini mengandungi perintah yang menyuruh manusia belajar mengenal Tuhan, memahami fenomena alam dan diri sendiri serta menghayati bahawa cara hidup yang baik adalah tergolong dalam prinsip akidah, ilmu dan amal. Ketiga-tiga perkara ini merupakan teras kepada Falsafah Pendidikan Islam.

Pendidikan Islam merupakan salah satu cabang pendidikan yang sangat penting. Al-Qardhawi, 1982, (dalam Ahmad Mohd Salleh, 2008) mendefinisikan Pendidikan Islam sebagai pendidikan bagi keseluruhan hidup termasuk akal dan hati, rohani, jasmani, akhlak dan tingkah laku. Ini kerana tujuannya adalah untuk menyediakan manusia bagi menghadapi hidup, baik dalam keadaan senang atau susah, dalam keadaan damai atau perang, di samping menyediakan mereka untuk menghadapi masyarakat yang sering menghadapi kebaikan dan kejahatannya, kemanisan dan kepahitan. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Mustapha Yazid (1991) mendapati bahawa 95 peratus pelajar mempunyai sikap negatif terhadap tulisan jawi seperti susah dipelajari, tidak penting dan tidak dinilai dalam peperiksaan.

Saya merupakan salah seorang guru pelatih yang sedang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dalam bidang Pengajian Islam di Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang, Kuching. Saya telah menjalani beberapa fasa praktikum di beberapa buah sekolah yang berbeza. Pada praktikum fasa pertama, saya telah menjalani praktikum di Sekolah Kebangsaan Mawar (nama samaran), yang terletak di bandaraya Kuching. Praktikum fasa kedua pula telah saya jalankan di salah sebuah sekolah luar bandar yang terletak di daerah Simunjan iaitu Sekolah Kebangsaan Kenanga (nama samaran). Pada praktikum fasa ketiga ini, saya menjalankan praktikum di Sekolah Kebangsaan Indah (nama samaran) yang terletak di bandaraya Kuching.

### **Fokus Kajian**

Berdasarkan pengalaman ketiga-tiga fasa praktikum yang saya lalui ini, saya sering memerhatikan dan saya dapat mengenal pasti masalah yang sering dihadapi oleh murid-murid dalam mempelajari tulisan jawi iaitu menentukan huruf-huruf yang boleh disambung dan tidak boleh disambung. Masalah ini sering berlaku apabila murid-murid diminta untuk menulis perkataan dalam tulisan jawi dengan menyambungkan huruf-huruf tunggal untuk membentuk perkataan dengan tulisan yang betul.



Rajah 1: Kesalahan Murid Dalam Menyambung Huruf.

Sebelum menamatkan sesi P&P yang saya jalankan, saya telah mengedarkan lembaran kerja kepada murid-murid. Semasa menyiapkan latihan yang diberikan, murid-murid sering memanggil saya dan bertanya tentang huruf-huruf yang boleh disambung dan tidak boleh disambung. Situasi ini membuatkan saya berasa bimbang kerana murid-murid masih belum menguasai huruf-huruf yang boleh disambung dan tidak boleh disambung. Situasi ini telah menyebabkan suasana kelas agak kurang terkawal dan murid-murid mengambil masa yang lama untuk menyiapkan latihan yang diberikan. Atas dasar inilah saya mengambil keputusan untuk melakukan kajian tindakan ini.

### Objektif Kajian

Objektif kajian ini terbahagi kepada dua iaitu objektif umum dan objektif khusus.

### Objektif Umum

- Meningkatkan penguasaan terhadap penulisan jawi dalam kalangan murid tahun 2 Sekolah Kebangsaan Indah.
- Menanamkan minat murid untuk mempelajari tulisan jawi.

### Objektif Khusus

- Meningkatkan penguasaan murid untuk mengenal pasti dan menulis dengan betul huruf-huruf jawi yang boleh disambung dan tidak boleh disambung.
- Memperbaiki amalan pedagogi yang saya lakukan dalam pengajaran bidang jawi terutamanya dalam aspek penggunaan “Kad Geng Jawi” untuk membantu murid menulis huruf-huruf jawi yang boleh dan tidak boleh disambung dengan betul.

### Persoalan Kajian

- Apakah kesan penggunaan “Kad Geng Jawi” terhadap penguasaan murid-murid tahun 2 dalam mengenal pasti dan menulis huruf-huruf jawi yang boleh dan tidak boleh disambung?
- Adakah saya dapat memperbaiki amalan sendiri dalam membantu murid-murid tahun 2 mengenal pasti dan menulis huruf-huruf jawi yang boleh disambung dan tidak boleh disambung?

### **PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN**


Saya telah merancang untuk menggunakan Teknik Geng Jawi bagi mengatasi masalah ini. Semasa menjalankan tindakan ini, saya hanya membahagikan huruf-huruf jawi ke dalam dua kumpulan sahaja iaitu kumpulan huruf yang boleh disambung dan kumpulan huruf yang tidak boleh disambung. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya kurang berjaya kerana murid masih menghadapi masalah dalam mengenal pasti dan menulis huruf-huruf jawi yang boleh dan tidak boleh disambung. Penambahbaikan dilakukan dengan menggabungkan penggunaan warna dalam tindakan saya. Menurut Baharuddin Aris (2002) dalam Nornajidah A.Rahman (2007), warna adalah lebih berkuasa untuk menonjolkan sesuatu maklumat berbanding bentuk. Penggunaan warna terhadap teks dan latar belakang terlalu kontras boleh menyebabkan pengguna sukar untuk membaca dan boleh menyebabkan pening apabila terlalu lama memandang. Hal ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan warna memberi kesan yang amat mendalam di dalam pembangunan sesebuah perisian.

Pada kali ini saya telah menghasilkan kad huruf yang dinamakan kad 'Geng Jawi' bagi memudahkan peserta-peserta kajian saya mengenal pasti huruf yang boleh dan tidak boleh disambung. Pada kali ini saya mengaplikasikan penggunaan warna bagi membezakan kedua-dua kelompok huruf. Kelompok pertama diberi gelaran 'geng biru' iaitu huruf-huruf yang boleh disambung. Manakala kelompok kedua dinamakan 'geng merah' iaitu kelompok huruf yang tidak boleh disambung. Saya menggunakan warna merah bagi 'Geng Merah' kerana kebiasaannya merah melambangkan larangan atau tegahan. Manakala warna biru pula digunakan kerana kebiasaannya ia tidak melambangkan sebarang tegahan atau larangan.

Pada peringkat pertama, para peserta kajian diperkenalkan dengan huruf-huruf yang terdapat dalam 'Geng Merah' dan 'Geng Biru'. Pada awalnya, saya memperkenalkan huruf-huruf ini dalam bentuk jadual. Huruf-huruf ini juga disediakan dalam keadaan bercerai bagi memudahkan murid menggunakan kad ini semasa membuat latihan. Istilah yang mudah digunakan bagi peserta kajian mengenal pasti huruf itu boleh disambung dan tidak boleh disambung. Istilah yang saya gunakan ialah 'geng' dan 'sik geng'. Istilah ini digunakan kerana ia lebih dekat dengan jiwa mereka.



*Rajah 2 : Jadual Huruf 'Geng Merah' Dan 'Geng Biru'*



Rajah 3 : Kad Huruf 'Geng Merah' Dan 'Geng Biru'.

Cara penggunaan kad 'Geng Jawi' ini diterangkan dalam rajah 4, 5, 6 dan 7:

Kad Biru berada di hadapan kad merah menandakan huruf tersebut boleh disambung. Huruf ya (ي) boleh disambung dengan huruf ra (ر).

ير = ي+ر

Kad merah berada di hadapan kad biru. Kedua-dua huruf ini tidak boleh disambung. Huruf alif (ا) tidak boleh disambung dengan huruf lam (ل).

ال = ا+ل

Rajah 4 : Penggunaan 'Kad Geng Jawi' 1    Rajah 5: Penggunaan 'Kad Geng Jawi' 2

Kesemua kad adalah kad merah. Ini menunjukkan kesemua huruf ini tidak boleh disambung.

دوا

Kesemua kad adalah kad biru. Ini menunjukkan kesemua huruf boleh disambung.

سيكت

Rajah 6 : Penggunaan 'Kad Geng Jawi' 3    Rajah 7: Penggunaan 'Kad Geng Jawi' 4

## **METODOLOGI**

### **Peserta Kajian**

Dalam kajian ini, sampel yang saya gunakan ialah tiga orang murid tahun 2, SK Indah yang telah dipilih berdasarkan masalah yang mereka hadapi. Jenis persampelan yang saya gunakan ialah persampelan bertujuan. Persampelan bertujuan merujuk kepada penyelidik memilih sendiri responden berdasarkan ciri-ciri tertentu yang memenuhi keperluan spesifikasi kajian (Buku Panduan Penyelidikan).

Ciri-ciri peserta kajian yang saya perlukan bagi kajian ini ialah murid yang mempunyai masalah dalam membezakan huruf jawi yang boleh disambung dan tidak boleh disambung serta mempunyai masalah menulis jawi dengan betul. Berdasarkan ciri-ciri inilah saya memilih peserta kajian untuk kajian ini.

### **Etika Kajian**

Dalam Menjalankan Kajian Ini, Terdapat Etika Yang Perlu Saya Patuhi. Sebelum memulakan kajian, saya telah menyerahkan surat kebenaran menjalankan kajian daripada pihak institut kepada pihak sekolah. Seterusnya, saya telah mendapatkan persetujuan daripada peserta kajian untuk melibatkan mereka dalam kajian ini. Selain itu, saya juga turut menjaga identiti murid yang dijadikan peserta dalam kajian ini. Saya tidak mendedahkan identiti sebenar mereka seperti nama sebenar mereka.

### **Teknik Mengumpul Data**

#### **a) Ujian Pra Dan Pasca**

Ujian pra dan pasca ini dijalankan untuk mengenal pasti murid yang bermasalah dalam mengenal pasti dan menulis huruf jawi yang boleh disambung dan tidak boleh disambung. Ujian pra ini memaparkan markah yang diperolehi oleh peserta kajian sebelum pelaksanaan tindakan dijalankan. Ujian pasca pula memaparkan markah yang diperolehi peserta kajian setelah pelaksanaan tindakan dijalankan. Hasil perbandingan kedua-dua ujian ini akan menunjukkan perbezaan pencapaian peserta kajian sebelum dan selepas pelaksanaan tindakan dijalankan.

#### **b) Analisis Dokumen**

Analisis dokumen ialah bahan yang wujud atau bahan yang disediakan oleh subjek (Buku Panduan Penyelidikan). Dalam kajian ini, dokumen utama yang dianalisis ialah hasil kerja murid dalam lembaran kerja. Lembaran kerja ini diedarkan kepada murid semasa sesi p&p dijalankan di dalam bilik darjah. Lembaran kerja yang diberikan disediakan dalam pelbagai bentuk, namun kehendak soalan adalah sama iaitu menyambung huruf jawi. Dalam kajian ini, saya telah menggunakan kaedah analisis dokumen bagi mendapatkan maklumat yang lebih terperinci bagi kajian yang saya jalankan. Dokumen utama yang dianalisis ialah hasil kerja murid pada lembaran kerja.

#### **c) Pemerhatian**

Pemerhatian ialah kaedah pengumpulan data secara terus. Atkinson & Hammersley (1994, dalam Denzin & Lincoln, dalam Buku Panduan Penyelidikan) menyatakan 'perlu diingat, "dari suatu segi, semua kajian melibatkan pemerhatian kerana kita tidak dapat meneliti dunia sosial tanpa menjadi sebahagian daripadanya." Semasa menjalankan pemerhatian, saya telah mengenal pasti beberapa perkara yang ingin

diperhatikan. Antara perkara yang saya perhatikan ialah cara peserta kajian mengenal pasti dan menulis huruf jawi yang boleh dan tidak boleh disambung.

Catatan :

Murid lebih aktif di dalam kelas. Tidak malu lagi untuk menjawab soalan yang diajukan. Malah, ada yang berebut-rebut dengan rakan yang lain untuk menjawab soalan

Rajah 8 : Catatan Dalam Borang Senarai Semak Pemerhatian

### **Teknik Menganalisis Data**

Menurut Miles & Huberman (1994, dalam Buku Panduan Penyelidikan), proses penganalisan data meliputi tiga urutan aktiviti iaitu penyaringan data (*data reduction*), persembahan data (*data display*) dan penulisan kesimpulan/verifikasi (*conclusion drawing/verification*). Data yang saya perolehi telah dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Menurut Neuman (1991, dalam Buku Panduan Penyelidikan), analisis kandungan ialah teknik untuk mengumpul dan menganalisis kandungan teks. Menurut Burn (1995, dalam Roselan bin Baki, 2003), analisis kandungan digunakan untuk menganalisis tema, konsep, dan makna. Data yang dianalisis menggunakan kaedah ini ialah hasil kerja peserta kajian pada lembaran kerja yang diberikan. Hasil analisis ini dipersembahkan dalam bentuk jadual.

### **Teknik Menyemak Data**

Setiap data yang diperolehi perlu dipastikan kesahan dan kebolehpercayaannya. Menurut Hammerslay (1990, dalam Buku Panduan Penyelidikan), kesahan bermaksud kebenaran yang dapat menggambarkan fenomena sosial sebenar seperti yang dimaksudkan. Hammerslay (1992, dalam Buku Panduan Penyelidikan) menyatakan bahawa kebolehpercayaan merujuk kepada ketekalan data yang disepakati oleh beberapa penyelidik yang sama atau penyelidik lain, sama ada dalam situasi yang sama atau yang berbeza.

Bagi memastikan data-data yang saya perolehi adalah sah dan boleh dipercayai, saya telah menggunakan kaedah triangulasi untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan data yang telah dikumpul. Triangulasi ialah membandingkan pelbagai jenis data daripada pelbagai kaedah, pada masa berbeza dan dengan penyelidik yang berlainan. Bagi kajian ini, saya telah menggunakan triangulasi sumber melalui rakan-rakan saya yang lain untuk menyemak data. Perkara ini penting bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan data yang saya perolehi. Hasil semakan ini penting kerana saya perlu membuat perbandingan antara semakan yang dilakukan oleh saya dan semakan yang dilakukan oleh rakan sepengajian saya.

## REFLEKSI

### Refleksi Dapatan

**Apakah kesan penggunaan “Kad Geng Jawi” terhadap penguasaan murid-murid tahun 2 dalam mengenal pasti dan menulis huruf-huruf jawi yang boleh dan tidak boleh disambung?**


Jadual berikut memaparkan markah yang diperolehi oleh peserta kajian sepanjang pelaksanaan tindakan.

Jadual 1: Perbandingan Markah Ujian Pra Dan Ujian Pasca

Peserta	Markah (%)	
	Ujian pra	Ujian pasca
Peserta kajian 1	71	100
Peserta kajian 2	28	100
Peserta kajian 3	50	100


Hasil dari aplikasi “Kad Geng Jawi” dalam p&p yang telah saya jalankan, ketiga-tiga peserta kajian saya berjaya menguasai aspek mengenal pasti dan menulis huruf-huruf jawi yang boleh dan tidak boleh disambung. Ini dapat dibuktikan melalui perkembangan prestasi yang mereka tunjukkan dalam beberapa bentuk latihan dalam lembaran kerja yang saya berikan. Perkembangan ini dapat dilihat dari markah yang mereka perolehi dalam setiap latihan yang diberikan.

Berdasarkan kedua-dua jadual yang dipaparkan, peserta-peserta kajian telah berjaya mengenal pasti dan menulis huruf jawi yang boleh dan tidak boleh disambung. Terdapat beberapa pola kesalahan yang sering ditunjukkan oleh para peserta kajian seperti kesalahan menulis huruf dengan bentuk tulisan yang betul dan kedudukan titik huruf. Kesalahan-kesalahan yang dilakukan dipaparkan dalam rajah berikut:



Rajah 9 : Kesalahan Menulis Bentuk Huruf.






Rajah 10 : Kesalahan Menulis Titik Huruf.


**Adakah saya dapat memperbaiki amalan sendiri dalam membantu murid-murid tahun 2 mengenal pasti dan menulis huruf-huruf jawi yang boleh disambung dan tidak boleh disambung?**

Hasil dari pelaksanaan tindakan yang telah dijalankan, saya mendapati bahawa saya telah dapat membantu murid saya mengenal pasti dan menulis huruf jawi yang boleh disambung dan tidak boleh disambung. Hasilnya boleh didapati melalui rajah perbandingan markah yang diperolehi oleh peserta kajian sepanjang kajian dijalankan.



Rajah 11 : Perbandingan Markah Ujian Pra Dan Pasca Peserta Kajian

Rajah 12 di bawah pula menunjukkan perbandingan hasil kerja murid dalam ujian pra dan pasca yang telah dijalankan.



Rajah 12 : Perbandingan Hasil Kerja Peserta Kajian Dalam Ujian Pra Dan Pasca

Saya juga berasa lebih yakin untuk memberikan bimbingan dan bantuan kepada murid saya. Sebelum ini, saya agak ragu untuk membantu mereka kerana saya kurang yakin dengan kemampuan saya untuk berbuat sedemikian. Namun, hasil dari pembacaan, rujukan dan perbincangan bersama rakan-rakan, pensyarah dan guru pembimbing, saya berasa lebih yakin dengan kemampuan saya. Saya juga dapat mengeratkan hubungan antara saya dengan murid-murid saya. Sebelum ini, murid-murid ini malu untuk bertanya dan malu menjawab soalan yang diajukan. Tetapi setelah terlibat dalam kajian ini, murid-murid ini menjadi seorang yang aktif semasa sesi p&p dijalankan.

Saya juga dapat menguruskan masa untuk mengajar dan membimbing murid-murid saya dengan baik. Setelah beberapa kali memberi bimbingan terhadap murid-murid ini, saya tidak lagi mengalami masalah pengurusan masa. Pelaksanaan tindakan dalam kumpulan yang dijalankan sangat membantu saya dalam aspek pengurusan masa. Semasa menjalankan p&p, saya banyak memberi penekanan terhadap aspek mengenal pasti dan menulis huruf jawi yang boleh dan tidak boleh disambung. Secara tidak langsung, peserta-peserta kajian saya dapat memahami masalah yang mereka hadapi selain melalui bimbingan yang saya berikan. Perubahan sikap yang ketara juga turut ditunjukkan oleh peserta kajian saya. Rajah di bawah menunjukkan beberapa perubahan yang berlaku ke atas peserta kajian saya.

Catatan :

Murid lebih aktif di dalam kelas. Tidak malu lagi untuk menjawab soalan yang diajukan. Malah, ada yang berebut-rebut dengan rakan yang lain untuk menjawab soalan.

Rajah 13 : Catatan Dalam Borang Senarai Semak Pemerhatian

Catatan :

Murid dapat menyiapkan latihan yang diberikan mengikut masa yang ditetapkan.  
Ada yang dapat menyiapkan latihan lebih cepat dari masa yang dijangkakan.  
Murid lebih bersemangat untuk menyiapkan latihan.

*Rajah 14 : Catatan Dalam Borang Senarai Semak Pemerhatian*

### **Refleksi Penilaian tindakan**

Berdasarkan hasil dapatan kajian yang telah diperolehi, saya dapat melihat perkembangan yang ditunjukkan oleh peserta kajian saya. Mereka telah menunjukkan perkembangan yang positif walaupun masih terdapat sedikit kelemahan dalam aspek menulis jawi.

Kemmis dan McTaggart (1988, seperti dinyatakan dalam Chow Fook Meng dan Jaizah Mahamud, 2011) menjelaskan bahawa kajian tindakan merupakan satu bentuk inkuiri refleksi sendiri untuk menegakkan keadilan amalan-amalan kemasyarakatan dan pendidikan, meningkatkan kefahaman guru tentang amalan-amalan pendidikan dan situasi sosial. Pernyataan ini menunjukkan betapa perlunya kajian tindakan dijalankan dalam pendidikan. Ini bagi membolehkan seseorang yang bergelar pendidik sentiasa memperbaiki diri dan berusaha menjadi lebih baik. Pada awalnya, agak sukar bagi saya untuk memahami apa yang dikatakan sebagai kajian tindakan. Ini kerana ianya jarang saya lakukan dan inilah pertama kalinya saya menjalankannya.

Bermula dari penyediaan kertas kerja cadangan, saya berhadapan dengan beberapa masalah. Seperti rakan-rakan yang lain, kajian tindakan ini merupakan sesuatu yang baharu bagi saya. Saya banyak menghadapi masalah pada bahagian tinjauan literatur. Ini kerana kurangnya sumber berkaitan fokus kajian yang saya perolehi. Dalam hal ini, rakan-rakan sangat membantu saya untuk berkongsi bahan-bahan yang ada untuk dijadikan rujukan.

Sebagai seorang guru Pendidikan Islam, saya telah banyak belajar terutamanya dalam aspek membimbing murid-murid. Banyak ilmu dan kemahiran yang telah saya pelajari sepanjang menjalankan kajian ini. Saya juga turut menambah kemahiran yang sedia ada sebagai persediaan untuk menjadi guru nanti. Hasil dari pembacaan yang saya lakukan, banyak ilmu yang saya perolehi. Hasil dari pembacaan ini, saya telah berjaya menghasilkan sesuatu yang berguna kepada murid-murid saya yang dapat membantu menyelesaikan masalah mereka. Saya turut belajar cara untuk menghargai murid iaitu peserta kajian saya. Di samping itu, saya juga belajar menangani pelbagai kerenah murid iaitu murid-murid yang tidak menjadi peserta kajian saya. Segalanya memantapkan saya dalam menjalankan tugas sebagai seorang guru.

### **Implikasi Kajian**

Hasil dari kajian ini telah dapat membantu murid dalam mengatasi masalah mereka. Ini merupakan satu perkembangan yang baik dalam pembelajaran murid dimana masalah yang sering mereka hadapi telah dapat diatasi. Melalui kajian ini, murid telah mendapat bimbingan daripada guru bagi mengatasi masalah mereka.

Selain itu, kajian ini juga turut mendatangkan implikasi terhadap sikap murid semasa menyiapkan latihan yang diberikan. Sebelum ini ada di antara mereka yang lambat menyiapkan latihan, tidak mahu membuat latihan dan tidak dapat menyiapkan latihan yang diberikan. Mereka bersikap sedemikian kerana mereka tidak tahu bagaimana hendak menyiapkan latihan yang diberikan. Namun, selepas kajian ini dijalankan, perkara tersebut tidak berlaku lagi pada mereka. Gabungan 60% penggunaan Kad Geng Jawi beserta bimbingan daripada guru dan 40% kerjasama sesama rakan sebaya telah membantu meningkatkan lagi penguasaan mereka dalam bidang Jawi. Mereka menjadi lebih bersemangat untuk menyiapkan latihan.

Selain itu, sikap malu dalam diri mereka juga dapat diatasi. Sebelum ini, mereka malu untuk menjawab soalan kerana takut jawapan yang mereka berikan salah. Tetapi setelah bimbingan diberikan, mereka tidak lagi malu untuk menjawab soalan yang dikemukakan malah mereka turut sama berebut-rebut dengan murid lain untuk menjawab soalan.

Pelbagai implikasi turut berlaku terhadap perkembangan amalan sendiri saya. Banyak ilmu baharu yang saya perolehi. Saya telah meningkatkan pengetahuan dalam bidang penyelidikan tindakan ini. Melalui pembacaan serta perbincangan bersama para pensyarah dan rakan-rakan, saya lebih memahami tentang kajian tindakan ini. Melalui penyelidikan ini, saya mendapat banyak ilmu baharu terutamanya dalam aspek penulisan jawi. Terdapat pelbagai cara yang boleh dilakukan untuk mengatasi masalah penulisan jawi dalam kalangan murid.

### **Cadangan kajian lanjutan**

Kajian ini telah membantu peserta-peserta kajian saya dalam mengatasi masalah mereka. Walau bagaimanapun, saya merasakan terdapat beberapa cara lain lagi yang mungkin lebih berkesan untuk mengatasi masalah ini. Sekiranya saya berhadapan dengan murid yang mempunyai masalah yang sama, saya akan menggunakan kaedah yang sama. Akan tetapi, saya akan melakukan penambahbaikan terhadap kaedah yang saya gunakan. Saya akan menambah carta dan kad bentuk huruf dalam kaedah yang saya lakukan. Carta dan kad ini akan menunjukkan perbezaan bentuk huruf dalam keadaan huruf tunggal dan semasa ditulis secara bersambung. Ini akan membantu murid memahami dengan lebih jelas lagi. Carta dan kad ini akan dapat membantu mengurangkan kesalahan yang dilakukan murid semasa menyambung huruf.

Selain itu, kajian lain yang menggunakan rumus khas juga boleh dilakukan bagi membantu murid mengatasi masalah ini. Pelbagai rumus dan cara boleh digunakan bagi membantu murid mengatasi masalah penulisan jawi ini. Saya turut tertarik dengan beberapa kajian yang dilakukan oleh rakan-rakan saya yang bertujuan untuk membantu murid-murid mereka dalam masalah yang sama. Kajian-kajian ini juga boleh digunakan bagi mengatasi masalah ini. Mungkin jika beberapa kaedah ini digabungkan, hasilnya akan menjadi lebih baik.

### **SUMBER**

Al-Quran dan terjemahannya (Surah Al-Alaq ayat 1-4).

### **RUJUKAN**

Ahmad Mohd Salleh.(2008). *Siri Pendidikan Guru: Pengajian Agama Islam & j-QAF*.  
Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Bahagian Pendidikan Guru. *Buku Panduan Penyelidikan.*

Chow Fook Meng, Jaizah Mahamud. (2011). *Siri Pendidikan Kajian Tindakan: Konsep & Amalan dalam Pengajaran.* Selangor : Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Mustapha Yazid. (1991). *Penguasaan Jawi Di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Di Negeri Kelantan: Satu Kajian Khusus Di Daerah Kota Bharu.* Latihan ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Nornajidah Abdul Rahman. (2008). *Panduan Pemilihan Kombinasi Warna bagi Reka bentuk Skrin dan Penggunaan Multimedia.* Jabatan Ilmu Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Roselan bin Baki. (2003). *Kaedah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.* Shah Alam: Karisma Publication.